

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 MAC 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	32,316 NELAYAN LAYAK, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN, PESAWAH KEMBALI RM300, DALAM NEGERI, UM -12	
3.	32,000 NELAYAN LAYAK TERIMA ESH, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -1	
4.	ESH AKAN DINAIKKAN TAHUN DEPAN JIKA KEWANGAN NEGARA IZINKAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	
5.	'E LAUN RM300 KEPADA NELAYAN, PESAWAH JIKA EKONOMI IZINKAN', NEWS, MALAYSIA KINI -4	
6.	ESH AKAN DINAIKKAN TAHUN DEPAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -1	
7.	AGRICULTURE MINISTER: FIGHT FOR REINSTATING RM300 ALLOWANCE FOR FISHERMEN, NEWS, SIN CHEW DAILY (NORTHERN) -1	
8.	AGRICULTURE MINISTER PROMISE STIVING RM300 LIVING INCENTIVE TO FISHERMEN AND FARMERS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A8a	
9.	AGRICULTURE MINISTRY FIGHTS FOR REINSTATING RM300 ALLOWANCE FOR FISHERMEN, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12	
10.	MINISTER OF AGRICULTURE SEEKS TO GIVE RM300 SUBSIDY TO FISHERMEN AGAIN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A26	
11.	32,316 FISHERMEN ELIGIBLE FOR ESH THIS YEAR, THE SUN DAILY -ONLINE	
12.	BURU PENLUBA IKAN SUNGAI LEPAR, SENTRAL, SH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	KESAN INDIVIDU TUBA IKAN SUNGAI, SETEMPAT, HM -15	
14.	NELAYAN HARAP LPS KLUSTER KERANG LULUS, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -23	
15.	FISH – FARMERS HOPE FOR GOVERNMENT TO ALLOW MULTI – TASKS FOR FISHING BOAT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12	
16.	BANTUAN KEPADA NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -4	LAIN - LAIN
17.	MENELUSURI KEMELUT BIDANG PERTANIAN, RENCANA, UM -17	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	6

RABU 13 MAC 2019 • SINAR HARIAN

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT



32,316 nelayan layak

Jumlah penerima bantuan ESH berkurangan selepas pemutihan

KUALA LUMPUR

Seramai 32,316 orang nelayan seluruh negara layak menerima Elaun Sara Hidup (ESH) daripada kerajaan bagi tahun ini selepas pemutihan bantuan itu dilakukan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, jumlah berkenaan berkurangan berbanding 35,233 orang penerima pada Disember 2018.

Salahuddin berkata, terdapat kriteria yang harus diteliti oleh kementerian supaya mereka yang benar-benar layak

sahaja mendapat bantuan itu.

"Yang layak tetap layak. Jangan ambil hak orang lain. Mengaku nelayan, mengaku pesawah untuk mengambil elauan. Ini tidak betul.

"Jadi bagi nelayan dan pesawah yang kita minta pegawai membuat pemutihan kita akan berikan selagi layak. Namun begitu mereka yang tidak memenuhi kriteria boleh merayu. Sekiranya menepati kriteria, kita akan bagi balik. In-sya-ALLAH," katanya pada Dewan Rakyat, semalam.

Salahuddin menjawab soalan tambahan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (PH-Bagan Serai) yang ingin tahu jumlah sasaran dan jumlah petani dan nelayan menerima bantuan selepas pemutihan bantuan dilaksanakan.

Terdahulu, ketika menjawab soalan lisan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) sama ada kerajaan masih me-

neruskan bantuan dan insentif kepada nelayan, Salahuddin berkata, kerajaan masih meruskan pemberian subsidi dan insentif kepada nelayan serta pesawah berdasarkan peruntukan kewangan semasa.

"Bagi sektor perikanan, sejumlah RM70 juta telah diperuntukkan untuk pemberian ESH iaitu sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik vesel zon A, pekerja di atas zon A, B, C dan C2.

"Sejumlah RM3.5 juta pemberian ESH sebanyak RM200 sebulan kepada nelayan darat dan sebanyak RM17 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan (IHTI)," katanya.

Bagi sektor beras dan padi, Salahuddin berkata, sebanyak RM232.5 juta bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), RM281.5 juta bagi Skim Insentif

Pengeluaran Padi (SIPP) dan RM75 juta untuk Insentif Benih Padi Sah.

"Sejumlah RM516.5 juta bagi Skim Subsidi Harga Padi di mana jumlah insentif telah dinaikkan daripada RM300 satu metrik tan (mt) kepada RM360 mt," katanya.

-Bernama



SALAHUDDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Elaun sara hidup nelayan, pesawah kembali RM300

PULAU PINANG 12 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan akan mengembalikan semula jumlah Elaun Sara Hidup (ESH) bagi golongan pesawah dan nelayan kepada RM300 tahun depan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub (**gambar**) berkata, beliau akan memperjuangkan supaya perkara itu dimasukkan di dalam Bajet 2020 mengambil kira keadaan golongan berkenaan yang amat memerlukan.

"Malah, saya juga akan memperjuangkan supaya ESH kepada golongan berkenaan ditambah lebih banyak pada masa depan sekiranya keadaan ekonomi negara bertambah baik," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri program Hari Bertemu Pelanggan bersama agensi di bawah kementerian itu di Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung di sini hari ini.

Pemberian ESH itu melibatkan seramai 40,000 nelayan dan 320,000 pesawah yang layak di seluruh negara.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, pihaknya memandang serius isu pencerobohan bot pukat haram sama ada milik nelayan tempatan atau warga asing yang menangkap ikan di kawasan pantai yang disifatkan semakin membimbangkan.

Menurut beliau, pihak ber-

Malah, saya juga akan memperjuangkan supaya ESH kepada golongan berkenaan ditambah lebih banyak pada masa depan sekiranya keadaan ekonomi negara bertambah baik".

SALAHUDDIN AYUB

kuasa khususnya Agensi Pengawalan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) ketika ini mempunyai kekangan dari sudut aset untuk memantau dan bertindak terhadap aktiviti pencerobohan itu.

Malah, katanya, jabatan lain seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan juga sudah menyerahkan aset masing-masing kepada Maritim Ma-

laysia bagi tujuan pemantauan sekali gus menyebabkan usaha membanteras pencerobohan haram itu semakin terhad.

"Sehubungan itu, jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan bagi membincangkan perkara ini akan bermesyuarat minggu depan bagi melihat langkah-langkah yang boleh diambil," katanya.



Headline	32,000 nelayan layak terima ESH		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 963
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,890



32,000 nelayan layak terima ESH

KUALA LUMPUR: Seramai 32,316 orang nelayan seluruh negara layak menerima Elaun Sara Hidup (ESH) daripada kerajaan bagi tahun ini selepas pemutihan bantuan itu dilakukan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata jumlah berkenaan berkurangan berbanding 35,233 orang penerima pada Disember 2018.

Salahuddin berkata terdapat kriteria yang harus diteliti oleh kementerian supaya mereka yang benar-benar layak saheja mendapat bantuan itu.

"Yang layak tetap layak. Jangan ambil hati orang lain. Mengaku nelayan, mengaku pesawah untuk mengambil elauan. Ini tidak betul."

"Jadi bagi nelayan dan pesawah yang kita minta pegawai membuat pemutihan kita akan berikan selagi layak. Namun begitu mereka yang tidak memenuhi kriteria boleh merayu. Sekiranya menepati kriteria, kita akan bagi balik. InsyaAllah," katanya pada Dewan Rakyat semalam.

Salahuddin menjawab soalan tambahan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (PH-Bagan Sera) yang ingin tahu jumlah sasaran dan jumlah pelani dan nelayan menerima bantuan selepas pemutihan bantuan dilaksanakan.

Terdahulu ketika menjawab soalan lisan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) sama ada kerajaan masih meneruskan bantuan dan insentif kepada nelayan, Salahuddin berkata kerajaan masih meneruskan pemberian subsidi dan insentif kepada nelayan serta pesawah berdasarkan peruntukan kewangan semasa.

"Bagi sektor perikanan, sejumlah RM70 juta telah diperuntukan untuk pemberian ESH iaitu sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik vesel zon A, pekerja di atas zon A, B, C dan C2.

"Sejumlah RM3.5 juta pemberian ESH sebanyak RM200 sebulan kepada nelayan darat dan sebanyak RM17 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan (IHTI)," katanya.

Bagi sektor beras dan padi, Salahuddin berkata sebanyak RM232.5 juta bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), RM281.5 juta bagi Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan RM75 juta untuk Insentif Benih Padi Sah.

"Sejumlah RM516.5 juta bagi Skim Subsidi Harga Padi di mana jumlah insentif telah dinaikkan daripada RM300 satu metrik tan (mt) kepada RM360 mt," katanya. - Bernama



Headline	ESH akan dinaikkan tahun depan jika kewangan negara izinkan		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

ESH akan dinaikkan tahun depan jika kewangan negara izinkan

SIMBOLIK: Salahuddin (tengah) memalu gong sebagai simbolik perasmian Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tan Peringkat Negeri Pulau Pinang di George Town, semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asa...

*To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)***

Headline	'Elaun RM300 kepada nelayan, pesawah jika ekonomi izinkan'		
Media Title	Malaysiakini(www.malaysiakini.com)		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,050

'Elaun RM300 kepada nelayan, pesawah jika ekonomi izinkan'

News | Diterbitkan Hari ini 11:36 tengahari | Dikemaskini Hari ini 11:36 tengahari
 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hari ini memberi jaminan Elaun Sara Hidup (ESH) untuk nelayan dan petani akan dinaikkan ke RM300 tahun depan berbanding RM200 ...

*To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)***

Headline	ESH akan dinaikkan tahun depan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	363 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,860
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,581



UNTUK ALBUM... Mohd Haswardi (duduk empat dari kiri) dan Nur Fatin Shazwani, bersama barisan peserta Kursus Perakaunan Asas (MS Excel) di salah sebuah hotel terkemuka di Sibu, baru-baru ini.

ESH akan dinaikkan tahun depan

GEORGE TOWN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hari ini memberi jaminan Elaun Sara Hidup (ESH) untuk nelayan dan petani akan dinaikkan ke RM300 tahun depan berbanding RM200 sekarang jika keadaan kewangan negara mengizinkan.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata kabinet telah membincangkan jenis-jenis bantuan tambahan yang bersesuaian untuk disalurkan akibat kejatuhan harga komoditi, keadaan cuaca tidak menentu dan musim kemarau.

"Saya memberi jaminan

bahawa pihak kementerian akan usahakan untuk memastikan ESH kekal diberikan dalam jumlah RM300 dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentang pada Oktober nanti," katanya selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan kementerian itu bagi peringkat negeri Pulau Pinang di Batu Maung dekat sini.

ESH yang sebelum ini berjumlah RM300 dikurangkan kepada RM150 bagaimanapun disemak semula kepada RM200 untuk tahun ini selepas mengambil kira pelbagai aspek, katanya.

Beliau berkata pemberian ESH itu melibatkan hampir 40,000 nelayan dan 320,000 pesawah yang layak di seluruh negara.

Sementara itu, Salahuddin berkata pihaknya memandang serius isu pencerobohan bot pukat haram milik nelayan tempatan atau warga asing yang menangkap ikan di kawasan pantai yang disifatkan semakin membimbangkan.

Katanya pihak berkuasa khususnya Agensi Pengukuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kini mempunyai kekangan dari sudut

aset untuk memantau dan bertindak terhadap aktiviti pencerobohan itu.

"Sehubungan itu, jawatankuasa kabinet yang ditubuhkan bagi membincangkan perkara ini akan bermesyuarat minggu depan bagi melihat langkah-langkah yang boleh diambil.

"Ini kerana masalah pencerobohan haram ini boleh dikatakan berlaku hampir setiap hari serta di kebanyakan kawasan pantai seperti di Perak, Johor, Pantai Timur serta di negeri ini," katanya. - Bernama

Headline	Agriculture minister: Fight for reinstating RM300 allowance for fishermen		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Northern)		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	11,541
Page No	1	Readership	34,623
Language	Chinese	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 718
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,155



渔民（右）向沙拉胡丁（左三）陈述渔民面对的困境，期望他能解决；左起为阿菲夫及沈志勤。

農長：明年財政預算案爭取恢復漁民津貼至300

（槟城12日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，他正为渔民力争提高每月的生活津贴，以便在明年度财政预算案中，现有的200令吉增加，恢复至300令吉。

他指出，若国家经济好转，渔民的生活津贴数额或将会增加。

沙拉胡丁今日与槟州渔民对话，出席者有其副部长沈志勤、槟

州行政议员阿菲夫及大马渔业局总监拿督慕尼尔。

今年預算案減半 力爭至200

沙拉胡丁说，在今年的预算案中，全国4万名渔民每月生活津贴，从去年的300令吉减至150令吉。过后他基于渔民生活困苦，面对健康

及风浪等问题，力争增至200令吉。他說，该部屡次接到投诉，指施例渔船违法侵犯浅海作业，破坏海底生态，导致鱼获减少，从而影响渔民的生计。

“这是全国课题，本部门将与水务等部门合作，严厉执法，对付违法侵犯浅海的施例渔船。”

接获填海破坏环境投诉

在对话中，槟州渔民提出多项投诉，重点是货源消岸填海，破坏水产繁殖的温床及生态环境，以及要求恢复300令吉的生活津贴等。

Headline	Agriculture minister promise striving RM300 living incentive to fishermen and farmers		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A8a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,312
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,935



农业部长与槟州农业相关业者对话，获业者踊跃出席，并热烈发问。

农长承诺为漁农民争取 恢复 300 生活津贴

（槟城 12 日讯）农业部长拿督沙拉胡汀承诺将为渔民及农民争取恢复获得 300 令吉的生活津贴。

他说，如果国家经济复苏，有关的津贴或者还会提高。

他重申，他将争取在明年的财政预算案中，恢复上述津贴至 300 令吉。

他透露，我国共有约 4 万名渔民，但农民却多达 32 万名。

他周二下午与槟州农业相关业者对话后，在一项记者会上，如此指出。

有关非法拖网渔船或渔船入侵海岸问题，若是能够，他将会见首相，特别讨论这项问题。

他解释，这是因为其部门几乎每一天都会接获类似投诉，有关非法入侵的拖网渔船或渔船，除了来自本地外，也来自国外。

他指出，类似事件不只在槟城发生，也在霹雳及东海岸发生。

他说，目前渔业局及水警在海域执法权力已交由海事执法组负责，但由于我国海岸线很长，所以该组面对难以全面有效执法的问题。#

Headline	Agriculture Ministry fights for reinstating RM300 allowance for fishermen		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	13 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A12	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,537
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,612

恢复渔民300令吉津贴 农业部争取

槟城12日讯！农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育承诺，将会为渔民争取到底，在国会上要求明年度的财政预算案恢复300令吉津贴。

他说，希望政府节省开销，拨款数额不同于以往，在这种情况下，原本提供予渔民的300令吉津贴减半成150令吉。

「自从宣布后，我和副农业部长沈志勤都睡不著，因为不知如何面对贫苦的渔民。」

他表示，较后他们也成功争取增加50令吉，即200令吉的渔民津贴。

沙拉胡丁今年在峇都茅渔业研究中心举办的会客日活动上，聆听渔民提出的种种诉求及所面对问题后，发表上述言论。

他向现场的渔民派定心丸，将为渔民们争取恢复300令吉的生活津贴。

他较后在记者会上补充，目前共有4万

名符合资格的渔民可领取此生活津贴。

此外，他表示，拖网渔船影响浅海渔民生计的问题日益严重，不只是槟城丹绒武雅的渔民受影响，还包括霹雳及东海岸。

他将把此课题带入内阁讨论，希望农业部可联合海事执法组一起展开取缔行动，对付这些拖网渔船。「我会把这项课题列为内阁的重要摘要，否则情况将一直恶化。」

另一方面，针对槟岛南部填海计划影响渔民生计一事，他说，关于填海课题将会有进一步讨论，而且这属于槟州政府的权限。

对此，掌管槟州农业及农基事务的行政议员阿菲夫补充，目前有关计划还未批准，州政府还在等待国家实体规划理事会（MPEN）审核及批准已完成的环境影响评估报告，一切尚处于讨论阶段。

Headline	Ministry of agriculture seeks to give RM300 subsidy to fishermen again		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A26	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,830
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,491



农业部明年预算案 争取恢复300元渔民津贴

（槟城12日讯）农业与农基工业部长沙拉胡丁指出，该部今年非但没有取消每个月200令吉的渔民生活津贴，也会在明年的财政预算案中争取恢复旧有的300令吉津贴，不过胥视财政状况而定。

他今日在槟州渔业研究中心出席槟州渔业局会客日后，在新闻发布会这么说。

他说，近期因天气酷热影

响收成，他会尝试争取以其他形式援助渔民。

另一方面，他说，该部推出的漂白程序会持续和长期性进行，确保生活津贴只提供给真正的目标群体。

“在这之前，没出海捕鱼者也获得生活津贴，造成申领的确实人数变得混淆，而漂白程序旨在让真正的渔民与农夫获取生活津贴。”

关注外国渔船入侵事件

针对外国拖网渔船入侵我国海域，影响我国渔获量及渔民生计，沙拉胡丁说，取缔行动目前已转由大马海事执法局

全权负责。

他表示，基于事件一再发生，他将与首相商议，列此为重要讨论事项。



槟州渔业局会客日开幕，左起阿菲夫、沈志勤、沙拉胡丁及慕尼尔。

出席者有农业部副部长沈志勤、槟州行政议员阿菲夫医生、槟州行政议员拿督阿都哈

林、农业部副秘书长拿督沙林、大马渔业部总监拿督慕尼尔等。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	THE SUN DAILY	ONLINE	

32,316 fishermen eligible for ESH this year

KUALA LUMPUR: A total of 32,316 fishermen throughout the country are eligible for the 'cost-of-living' (ESH) allowance from the government this year, after a vetting process was carried out.

Agriculture and Agro-Based Minister Datuk Salahuddin Ayub said the number was less than the 35,233 recipients in December last year.

Salahuddin said there were criteria which the ministry had to study so that only those who were really eligible received the aid.

"Those who are eligible will remain. We are not taking away anyone's rights. There are others who said they were fishermen, padi planters, to get the allowance. This is not right.

"So the fishermen and padi planters who have been vetted, we will give the allowance. However, those who did not meet the criteria can appeal. If they fulfill the criteria, we will give them back the allowance. God willing," he said in the Dewan Rakyat today.

Salahuddin was replying to a supplementary question from Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (PH-Bagan Serai), who asked for the number of targeted farmers and fishermen and the actual number who received the aid after the vetting process.

Earlier, in reply to an oral question from Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) son whether the government would continue to provide aid and incentives to fishermen, Salahuddin said the government would continue providing subsidies and incentives to fishermen and padi planters based on current financial allocations.

"For the fishery sector, a total of RM70 million has been allocated for the ESH, which is RM200 a month to owners of zone A vessels, workers in zone A, B, C and C2.

"A total of RM3.5 million in ESH , which is RM200 a month is for inland fishermen and RM17 million as incentive for fisheries catch (IHTI)," he said.

For the rice and padi sector, Salahuddin said RM232.5 million was for the Federal Government Padi Fertiliser Scheme (SBPKP), RM281.5 million for the Padi Production Scheme (SIPP) and RM75 million as Padi Seedling Incentive.

"A total of RM516.5 million is for Padi Price Subsidy Scheme where the amount of subsidy has been increased from RM300 per metric tonne (mt) to RM360 mt," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
13/3/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	SURAT
		21	

Jabatan Perikanan kesan sekumpulan individu terlibat

NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Buru penuba ikan Sungai Lepar

kenakan hukuman dibawah peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang.

"Peraturan itu diguna pakai terhadap individu yang terbukti menggunakan tuba atau racun untuk menangkap ikan, dan mereka boleh dikenakan kompaun RM500 hingga RM1,000 dan peralatan menangkap ikan mereka dirampas," katanya.

Dalam pada itu, Azahari berkata, banyak pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan sungai-cekek akibat musim kemarau kini menggunakan peralatan dilarang.

"Saya harap masyarakat membuat laporan segera kepada kita jika melihat kegiatan menangkap ikan menggunakan tube, racun, bahan letupan dan arus elektrik," katanya.



Gambar / Macam-macam bentuk ikan jenis lepas yang diambil dalam perburuan esaput roda hasil aktiviti seorang di Sungai Lepar.

Bagaimanapun, kata-nya, tidak mustahil mereka menggunakan jaring atau jala bagi tujuan penangkapan ikan terbabit.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan kesalahan yang melakukannya dan tindakan undang-undang menanti mereka. Jelasnya, individu yang didapati terlibat boleh dituntut dan

kegiatan menuba atau meracun secara kimia ikan-ikan terbabit di Sungai Lepar.

Mengulas lebih lanjut Terdahulu, beberapa pemilik akaun Facebook memuat naik gambar yang menunjukkan banyak ikan jenis lampam sungai dan terbul dimuatkan dalam bot gentian kaca dan kenderaan pancuan empat roda.

Azahari berkata, bukti penggunaan bahan terlarang bagi tujuan penangkapan ikan tersebut masih belum dapat dipastikan lagi.

"Ini kerana kegiatan ini menyatakan undang-undang, dan jika benar aktiviti tuba dilakukan di negeri ini," katanya ketika dihubungi, semalam. Mereka mendakwa hasil itu diperolehi daripada pembuat siasatan lebih

lengkap. Jabatan Perikanan Pahang dalam usaha melancarkan aktiviti menuba ikan di Sungai Lepar yang tular di Facebook semalam. Pengarahnya, Azahari Othman berkata, pihaknya kini sedang mengesan individu yang menular kegiatan itu dengan memuat naik status dan gambar dalam akaun milik mereka. "Pegawai kita akan membuat siasatan lebih

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15



IKAN yang dipercaya dituba di Sungai Lepar dimuatkan dalam kenderaan pacuan empat roda.

Kesan individu tuba ikan sungai

Kuantan: Jabatan Perikanan Pahang kini mengesahkan sekumpulan individu dipercaya melakukan aktiviti menuba ikan di Sungai Lepar, dekat sini, sehingga tular di media sosial sejak beberapa hari lalu.

Pengaruhnya, Azahari Othman berkata, pihaknya sedang berusaha mengesahkan pemilik akaun media sosial berkenaan bagi mendapatkan maklumat berhubung siasatan aktiviti menuba atau meracun kimia di sungai itu.

Katanya, jabatan perlu bersemuka dengan individu terbabit bagi mendapatkan kepastian terhadap kegiatan menyalahi undang-undang itu benar dilakukan di negeri ini atau sebaliknya.

"Gambar yang dimuat naik dalam laman sesawang Facebook individu terbabit menunjukkan spesis ikan jenis lampam sungai dan terburun dimuatkan dalam bot gentian kaca dan kenderaan pacuan empat roda yang dikatakan hasil kegiatan menuba atau meracun.

"Bagaimanapun, bukti penggunaan bahan terlarang menangkap ikan ini tidak dapat dipastikan dan tidak mustahil mereka menggunakan jaring atau jala," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, mengikut Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang, individu yang terbukti menggunakan tuba

atau racun untuk menangkap ikan boleh didenda RM500 hingga RM1,000 selain peralatan menangkap ikan mereka dirampas.

Azahari berkata, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak melakukan kesalahan itu dan tindakan undang-undang menanti mereka yang bersikap tamak serta mementingkan diri sendiri.

Katanya, musim kemarau melanda negara menyebabkan banyak sungai utama dan kecil menjadi cetek, peluang itu digunakan pihak tidak bertanggungjawab menangkap ikan menggunakan peralatan dilarang.

Headline	Nelayan harap LPS kluster kerang lulus		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	13 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,429
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,287



Nelayan harap LPS kluster kerang lulus

PONTIAN - Hampir 70 nelayan di bawah Koperasi Nelayan Ayer Baloi berharap permohonan lesen pendudukan sementara (LPS) kluster kerang di atas tanah seluas 100 hektar di Mukim Ayer Baloi dipertimbangkan.

Pengerusinya, Salahuddin Jantan berkata, ia penting bagi nelayan mencari rezeki dengan sumber kerang yang lebih terjamin di kawasan Ayer Baloi yang merupakan hab pengeluaran kerang di daerah ini.

Katanya, permilikan LPS bagi tujuan kerang telah dilaksana di Selangor dan Perak sebelum ini.

"Saranan dibuat dua tahun lalu agar kami mohon LPS bagi projek kluster kerang daerah Pontian peringkat kebangsaan atas nama persatuan kami ketika itu iaitu Persatuan Komuniti Pengurusan Generasi Ayer Baloi-Pengkalan Ayer Baloi.

"Kami seterusnya mengupah juru ukur tanah bagi proses permohonan dapatkan LPS. Kos ukur tanah RM10,000 ditanggung koperasi," katanya ketika ditemui Jeti Nelayan Ayer Baloi, semalam.



Kerang menjadi sumber rezeki nelayan di Ayer Baloi.

Salahuddin menegaskan pihaknya memandang serius permohonan tersebut memandangkan kebanyakannya nelayan di Ayer Baloi bergantung kepada hasil kerang sebagai sumber rezeki.

"Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pernah lawat kawasan kerang semula jadi di Ayer Baloi, Julai tahun lalu.

"Ini menunjukkan kerang adalah hasil utama nelayan di sini sehingga

menteri turun padang untuk lihat kawasan pengeluaran kerang di sini," katanya.

Beliau memberitahu nelayan mampu mendapat pendapatan sekitar RM2,000 setiap kali musim menuai kerang.

Justeru, pemuliharaan kawasan tapak kerang perlu diberi perhatian.

"Seandainya LPS diberi, mudah bagi nelayan menjaga kawasan pembiakan kerang di Ayer Baloi. Diharap permohonan kami dipertimbangkan," katanya.

Headline	Fish-farmers hope for government to allows multi-tasks for fishing boat		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	13 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A12	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,718



养鱼业者冀政府允一船两用

槟城12日讯 | 威南高渊港口海上养殖业公会主席张展来申诉，一些持有养鱼执照及捕鱼执照的渔民，每当将养殖渔产载上岸时，由于没有使用养殖渔产业者所规定的渔船，导致船上的全数渔获遭执法人员全数充公。

「家庭式养殖渔产业者除了出海捕鱼之外，也会顺便收成本身所养殖的渔产，但我们只有一艘捕鱼船，养殖渔业者必须注册另一艘渔船来运载养殖渔产。」

他说，由于借不到银行贷款购买另一艘船，而且高渊码头也面对渔船停泊位不足的问题，希望当局允许他们一船两用。

威南高渊港口海上养殖业公会副主席黄贵元今日也在活动上，提出该会以上的诉求，并提呈备忘录给沙拉胡丁阿育，希望获得农业部的协助。

CM
K

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

SOAL JAWAB

BANTUAN KEPADA NELAYAN

SOALAN: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) bertanyakan adakah kerajaan meneruskan insentif kepada nelayan seperti bantuan sara hidup, insentif pendaratan dan subsidi diesel?

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, DATUK SALAHUDDIN AYUB berkata, bantuan masih diteruskan antaranya peruntukan lebih RM70 juta bagi pemberian elaun sara hidup (ESH), RM17 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan dan subsidi bahan api pada kasar RM1.65 seliter.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	RENCANA	17



M. JASNI MAJED

Menelusuri kemelut bidang pertanian

OLEH sebab bapa penulis seorang petani serta bersekolah dan membesar dewasa dengan hasil daripada keluarga petani, saya sering terpanggil apabila itu berkaitan pertanian diuar-uarkan oleh pelbagai pihak.

Selalunya juga saya menulis tentang pertanian, hasil-hasil pertanian dan risiko bidang pertanian sehingga ramai anak muda enggan berjinak-jinak dengan pertanian kecuali terpaksa ataupun memang berminat dalam bidang pertanian.

Orang tua-tua dahulu selalu berkata, berbudi kepada tanah tentu ada hasilnya. Itu pepatah lama iaitu ketika pelbagai pekerjaan lain belum terbentuk tetapi apabila zaman berubah, bidang pertanian semakin dipinggirkan.

Maka tidak hairanlah, anak-anak petani pun tidak pernah menjakkan kaki ke sawah, ke ladang ayah ibu bapa mereka kerana pendidikan mereka bukan lagi memfokuskan pertanian.

Dalam bidang pertanian, tanaman padi masih boleh bertahan kerana permintaan melebihlihat apa yang ada.

Kita juga terpaksa mengimport beras dari luar negara kerana tidak cukup beras. Bagaimanapun, ada dalam kalangan petani yang cuba mengalih guna tanah tersebut kepada tanaman harum manis kerana hasilnya dikatakan lumayan.

Apa-apa pun, apabila harga harum manis jatuh selepas ramai yang mengusahaannya, bukan mudah hendak berbalik kepada tanaman padi kerana modalnya bukan sedikit.

Menukar dari sejenis tanaman kepada tanaman lain berpunca daripada keinginan petani mengubah cara hidup dan melatih ganda pendapatan apabila tanaman sedia ada tidak memperoleh hasil lumayan.

Oleh hal demikian, apabila Kementerian Industri Utama mendadangkan agar tanaman kelapa sawit tidak diperluaskan lagi kerana pelbagai masalah terutamanya kejatuhan harga komoditi itu, pelbagai reaksi kedengaran di mana-mana apatah lagi dari pada golongan marhaen.

Pada pandangan saya, mencuba tanaman baharu bagi petani boleh dilakukan dengan syarat ada kawasan baharu yang boleh diusahakan. Dalam pada itu, pasaran bagi hasil tanaman tersebut mestilah diambil kira sama ada pasarnya boleh mendatangkan hasil dalam jangka masa panjang atau setahun dua sahaja.

Apa yang tidak boleh dilakukan ialah mengorbankan tanaman asal dan digantikan dengan tanaman baharu yang belum tentu dapat menjamin pendapatan. Contohnya, jika tanaman buluh yang dicadangkan, berapa lamakah hasil akan diperoleh, di mana hendak dipasarkan dan bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap hasil tersebut?

Penulis masih ingat beberapa tahun lepas, seorang menteri bercadang hendak menggerakkan FAMA ke kampung-kampung untuk mencari hasil pertanian daripada penduduk kampung.

Maka sudah tentu petani dan peladang yang mempunyai hasil kelapa, pisang, ubi dan sebagainya boleh menjual kepada FAMA yang bergerak dari rumah ke rumah. Kaedah ini dikatakan sesuai bagi para petani dan peladang yang memiliki hasil tetapi tidak mempunyai tempat untuk dijual.

Malangnya, apabila menteri tersebut tewas dalam pilihan raya, cadangan tersebut hanya tinggal cadangan. Tidak ada se-siapa pun yang meneruskan cadangan tersebut untuk diperlakukan sedangkan ia boleh membantu petani dan peladang menambah pendapatan mereka.

Kementerian berkaitan pertanian mesti memikirkan pelbagai kaedah untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan bidang pertanian di negara ini demi kelangsungannya dan lebih penting, golongan terbabit dalam bidang ini mesti diberi pembelaan sewajarnya.